

PENUTUPAN SEMENTARA CAWANGAN PUSPAKOM BEAUFORT AKIBAT BANJIR

Pelanggan yang dihormati,

Dimaklumkan bahawa PUSPAKOM Beaufort **ditutup sementara pada hari ini, 26 Februari 2026, berikutan banjir kilat** yang menjejaskan laluan utama ke cawangan tersebut, iaitu Jalan Bingkul dan Jalan Bypass Beaufort. Penutupan ini adalah bagi memastikan keselamatan pelanggan dan kakitangan kami.

Cawangan dijangka beroperasi semula pada 27 Februari 2026, tertakluk kepada keadaan cuaca dan situasi semasa. Sebarang perubahan akan dimaklumkan dari semasa ke semasa melalui saluran media sosial rasmi kami.

Pelanggan yang telah menempah slot pemeriksaan pada tarikh ini boleh memilih untuk memohon bayaran balik (*refund*) atau menjadualkan semula pemeriksaan melalui laman web GiCheck (www.gicheck.my)

Segala kesulitan amat dikesali.

Terima kasih atas kerjasama dan kefahaman anda.